

**Teks Ucapan**  
**Ybhg. Prof. Datuk Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon**  
**Naib Canselor**  
**Universiti Malaysia Sabah**  
**Sempena**  
**Majlis Makan Malam Aluan Tuan Rumah**  
**Pertandingan Debat Alam Sekitar antara IPT Malaysia kali ke-18**

---

Laman Graduan, Dewan Canselor  
27 Julai 2008, jam 8.00 malam.

### **ALU-ALUAN**

Yang Berusaha Prof. Dr. Amran Ahmed, Timbalan Naib Canselor HEP dan Alumni, UMS merangkap Penggerusi Jawatankuasa Pelaksana Pertandingan Debat Alam Sekitar IPT Malaysia kali ke-18

Yang Berbahagia Puan Choong Mei Chun, Pemangku Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik, Jabatan Alam Sekitar Malaysia

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr Sharif Abd. Kadir Sharif Omang, Dekan Pusat Pembangunan Pelajar, UMS

Yang diraikan,  
Pegawai-pegawai pengiring dan Peserta-peserta Pertandingan Debat Alam Sekitar.

Ahli-ahli jawatankuasa pelaksana, hadirin dan hadirat yang dihormati.

Asallammualaikum dan salam sejahtera.

Bersyukur kita kepada yang maha esa kerana dengan keizinanNYA maka dapat kita berkumpul pada malam ini untuk meraikan para peserta, pegawai pengiring, hakim dan petugas-petugas untuk pertandingan debat alam sekitar ini.

## **A) PENGHARGAAN KEPADA JABATAN ALAM SEKITAR**

1. Bagi pihak seluruh warga Universiti Malaysia Sabah saya mengalu-alukan kehadiran pegawai dan peserta Pertandingan Debat Alam Sekitar Peringkat IPT Malaysia kali ke-18 ini ke Universiti Malaysia Sabah khususnya dan Negeri Sabah amnya.
2. Bagi pihak Universiti Malaysia Sabah, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan rasa terima kasih kami kepada pihak Jabatan Alam Sekitar atas kesudian memilih UMS sebagai tuan rumah bagi pertandingan debat alam sekitar ini. Ini merupakan satu bentuk penghargaan yang sangat tinggi kepada universiti ini. Untuk rekod, ini adalah kali kedua UMS terpilih sebagai tuan rumah, kali pertama ialah pada tahun 1999.
3. Kesungguhan pihak Jabatan Alam Sekitar menganjurkan debat seumpama ini setiap tahun tanpa gagal sehingga masuk ke edisi ke-18 pada tahun ini merupakan satu rekod yang boleh dibanggakan dalam sejarah debat IPT di Malaysia.
4. Sebagai tuan rumah, saya juga ingin memanjangkan penghargaan ini kepada sekretariat TTNC (HEP) melalui Majlis Debat Universiti-universiti Malaysia (MADUM) atas usaha berterusan membudayakan aktiviti debat di kalangan pelajar IPT. Penganjuran pertandingan debat seumpama ini dengan kerjasama agensi lain merupakan satu manifestasi kesungguhan pihak pentadbiran universiti di Malaysia untuk menggalakkan penyertaan masyarakat dalam membantu melahirkan modal insan cemerlang untuk negara ini.

## **B) DEBAT ASAS KEPADA PEMIKIRAN KRITIS.**

Tuan-tuan dan puan-puan,

5. Kepada para peserta ataupun kepada para pendebat, suka lah saya mengingatkan agar penglibatan anda dalam pertandingan debat ini bukan dimotivasikan oleh ganjaran hadiah wang tunai semata-mata ataupun kerana mengejar glamour dalam dunia kampus.
6. Saya berharap agar penyertaan anda dalam pertandingan debat alam sekitar ini adalah atas kesedaran kepada perlunya usaha-usaha yang berterusan bagi meningkatkan lagi kesedaran kita tentang alam sekitar.
7. Selain daripada itu, penglibatan saudara dan saudari dalam debat ini harus juga dilihat dari perspektif proses pembelajaran anda dalam universiti. Di universiti secara umumnya para pelajar dididik untuk berfikiran kritis. Berfikiran kritis adalah satu proses yang boleh dipelajari. Debat adalah salah satu daripada kaedah untuk melatih pemikiran kritis di kalangan pelajar universiti.
8. Ini bermakna, saudara dan saudari hendaklah mengaplikasikan pula kemahiran berfikir secara kritis, rasional dan logik dalam perdebatan ke bilik-bilik kuliah. Saya pasti kalau ini dapat saudara dan saudari lakukan maka usaha universiti untuk melahirkan graduan yang mempunyai keupayaan berfikir secara kritikal akan dapat direalisasikan dengan lebih mudah.
9. Saya menekankan perkara ini kerana respon daripada pihak majikan sering menyebutkan betapa graduan yang dikeluarkan oleh universiti tempatan selalunya mempunyai masalah yang antara lainnya untuk

memberikan cadangan-cadangan yang baru kepada organisasi. Ketidakupayaan untuk memberikan cadangan-cadangan baru ini adalah disebabkan oleh ketidakupayaan para graduan untuk berfikir dan melihat sesuatu secara kritikal.

10. Justeru, anda yang terpilih sebagai pendebat yang mewakili universiti masing-masing seharusnya menggunakan peluang yang ada ini untuk mengasah dan mempertajamkan lagi kemahiran berfikir secara kritikal itu. Tanggungjawab anda tidak terhenti setakat mewakili universiti dalam pertandingan debat seumpama ini. Apabila kembali semula ke universiti masing-masing anda seharusnya bertindak sebagai agen perubahan dikalangan rakan-rakan sekuliah anda. Agen perubahan yang saya maksudkan ialah membawa bersama-sama kemahiran yang anda perolehi dengan menjadi seorang pendebat untuk menilai, menganalisa dan memberikan pandangan anda dan dikongsikan kemahiran ini bersama-sama rakan anda.

### C) PENUTUP

Tuan-tuan dan Puan-puan,

11. Bagi pihak Universiti Malaysia Sabah, saya ingin memanjangkan ribuan kemaafan atas apa jua kekurangan dalam penganjuran debat alam sekitar kali ke-18 ini.
12. Saya difahamkan bahawa pertandingan peringkat awal sebanyak enam pusingan baru sahaja berakhir petang tadi. Saya kira para pendebat telah berusaha memberikan yang terbaik untuk membawa nama universiti masing-masing ke peringkat seterusnya, iaitu peringkat suku akhir. Kepada pasukan yang berjaya memboloskan diri ke peringkat suku akhir

saya ucapkan tahniah, kepada yang kurang bernasib baik jangan berputus asa, cuba lagi tahun hadapan.

13. Akhir kata kepada yang akan meneruskan perjuangan esok hari, saya ucapkan selamat berjaya.

Sekian, terima kasih.